



TARIKH	RABU, 27 NOVEMBER 2019
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	KERAJAAN CUKUP SUMBER BAYAR GAJI PENJAWAT AWAM
M/S	8
BIDANG	CIVIL SERVANT
KATA KUNCI	WATER SOURCES

Kerajaan cukup sumber bayar gaji penjawat awam

Putrajaya: Kerajaan Persekutuan mempunyai sumber mencukupi bagi menampung perbelanjaannya, termasuk membayar gaji penjawat awam, kata Menteri Kewangan, Lim Guan Eng.

Ia terbukti apabila penarafan kredit berdaulat Malaysia kekal tinggi pada paras A3 atau A- dengan unjuran stabil dan jika kerajaan meminjam untuk membayar gaji penjawat awam seperti dakwaan pihak tertentu, penurunan penarafan kredit akan berlaku.

Sehubungan itu, Guan Eng menegaskan, kerajaan mempunyai sumber mencukupi untuk menampung segala perbelanjaan gaji dan tidak perlu meminjam untuk berbuat demikian.

Menerusi satu kenyataan semalam, beliau juga menjelaskan, sedang menepati sasaran merendahkan defisit fiskalnya daripada 3.7 peratus berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

pada 2018 kepada 3.4 peratus untuk tahun ini.

“Segala pinjaman kerajaan untuk membiayai defisit fiskal dan perbelanjaan pembangunan seperti yang biasa dilakukan oleh pentadbiran terdahulu. Perbelanjaan mengurus seperti pembayaran gaji langsung tidak dibiayai melalui pinjaman,” katanya.

Sehubungan itu, Guan Eng menyifatkan dakwaan Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hassan pada persidangan DUN berkenaan Isnin lalu, jauh meleset dan mudah disangkal.

“Mohamad mendakwa Kerajaan Persekutuan meminjam wang untuk membayar gaji penjawat awam. Dakwaan beliau jauh meleset. Bagi suku ketiga 2019, emolument Kerajaan Persekutuan berjumlah RM19.9 bilion.

“Sebagai perbandingan, penda-

Fakta Nombor

RM19.9
bilion

emolument Kerajaan Persekutuan pada suku ketiga 2019

RM68.8
bilion

Pendapatan Kerajaan Persekutuan pada suku ketiga 2019

patan kerajaan dalam suku sama RM68.8 bilion, bermakna pendapatan kerajaan tiga kali ganda lebih besar berbanding tanggungan emolument,” katanya.

Kerajaan Persekutuan juga, katanya, sentiasa berupaya membayar gaji penjawat awam dan memenuhi tanggungjawab kewangan lain, berbeza dengan situasi dialami kerajaan Kelantan.

“Kementerian Kewangan pada 14 Oktober lalu meluluskan permohonan pendahuluan daripada kerajaan Kelantan RM100 juta untuk membiayai sebahagian perbelanjaan negeri itu, termasuk membayar gaji anggota pentadbiran kerajaan negeri sehingga penghujung 2019.

“Pada 2018, Kerajaan Persekutuan juga mendahulukan RM91.5 juta kepada kerajaan negeri itu bagi tujuan sama demi kesejahteraan penduduk Kelantan,” katanya.

DISEDIAKAN
OLEH

1-MOHD SHA AFFANDI BIN MD ARIPI (N41), BPM
2-RAJA MUSFARIZAL BINTI RAJA MUHAMAD (S19), BPM
UNIT PERKHIDMATAN MAKLUMAT, BPM